




GARIS PANDUAN PERTANDINGAN INNOVATION BLAST 2026

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & INOVASI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN

Tujuan	2
Pengenalan Pertandingan <i>Innovation Blast</i>	2
Objektif Pertandingan <i>Innovation Blast</i>	2

BAB 2: PERTANDINGAN INNOVATION BLAST

Kategori	3
Syarat-syarat Penyertaan	3
Panduan Penyediaan Dokumentasi	4
Kriteria Penilaian	6

BAB 3: PENGIKTIRAFAN

Pemilihan Pemenang	7
Hadiah Penghargaan	7

BAB 4: TATACARA PENYERTAAN

8

BAB 5: MAKLUMAT URUS SETIA

9

Lampiran 1: Borang Pemarkahan Pertandingan <i>Innovation Blast</i> Tahun 2026	10
---	----

PENGENALAN

1. TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini disediakan bagi membantu individu/ organisasi yang berminat menyertai Pertandingan *Innovation Blast* Tahun 2026. Ia menjelaskan secara menyeluruh tentang syarat kelayakan, tatacara permohonan, format laporan, proses pemilihan pemenang serta kriteria penilaian yang akan digunakan sepanjang pertandingan.

2. PENGENALAN PERTANDINGAN INNOVATION BLAST

Pertandingan *Innovation Blast* merupakan salah satu inisiatif utama yang diperkenalkan untuk menyemarakkan budaya inovasi dalam kalangan penjawat awam di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Inisiatif ini menggalakkan warga organisasi mengemukakan idea dan cadangan yang mampu membawa penambahbaikan serta inovasi dalam proses kerja, ke arah perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berkesan.

3. OBJEKTIF PERTANDINGAN INNOVATION BLAST

- i. Memupuk dan menyemarakkan budaya kerja yang kreatif dan inovatif dalam kalangan penjawat awam negeri;
- ii. Menggalakkan warga jabatan/agensi negeri menghasilkan idea inovatif bagi meningkatkan mutu perkhidmatan;
- iii. Memberi pengiktirafan rasmi kepada individu atau pasukan yang berjaya menghasilkan idea bernas dan berimpak tinggi;
- iv. Mewujudkan Bank Idea Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang sebagai sumber rujukan berterusan bagi penambahbaikan dalam sektor awam; dan
- v. Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam demi kesejahteraan pelanggan dan rakyat secara keseluruhan.



PERTANDINGAN INNOVATION BLAST

1. KATEGORI

Kategori dalam Pertandingan *Innovation Blast* diperkenalkan bagi memberikan kefahaman yang lebih terperinci tentang bentuk dan pendekatan inovasi yang dibentangkan oleh peserta. Ia bukanlah penentu kepada pemberian hadiah, tetapi berfungsi sebagai panduan untuk mengenal pasti ruang tumpuan inovasi yang dihasilkan. Pertandingan ini merangkumi dua (2) kategori utama seperti berikut:

i. **Kategori *Information & Communications Technology (ICT)***

Kategori ini merangkumi idea-idea inovatif yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam mana-mana aspek kerja. Inovasi yang dikemukakan boleh berbentuk penambahbaikan terhadap sistem, prosedur, kaedah atau cara kerja sedia ada, dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan, kualiti serta produktiviti perkhidmatan. Sebarang inovasi yang melibatkan pembangunan perisian, penggunaan aplikasi digital, automasi proses, atau penggunaan platform berasaskan ICT termasuk dalam kategori ini.

ii. **Kategori Bukan ICT (*Non-ICT*)**

Kategori ini merangkumi idea inovatif yang tidak melibatkan penggunaan teknologi ICT secara langsung, tetapi memberi tumpuan kepada penambahbaikan dalam aspek pentadbiran, pengurusan, atau prosedur kerja.

Contoh inovasi dalam kategori ini termasuk penggabungan borang permohonan, pelaksanaan prosedur kerja baharu, pengenalan sistem kerja yang lebih berkesan, pengubahsuaian kepada proses sedia ada, serta langkah-langkah yang boleh menjimatkan masa, meningkatkan produktiviti, menambah hasil kutipan atau meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.

2. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- i. Penyertaan hanya terbuka kepada penjawat awam yang berkhidmat di jabatan, agensi, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, atau anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- ii. Idea yang dikemukakan mestilah asli dan baharu, serta belum pernah dipertandingkan dalam mana-mana pertandingan inovasi di peringkat negeri atau yang lebih tinggi.
- iii. Pendaftaran untuk mendapatkan ID pengguna hendaklah dibuat melalui pautan (*Google Form*) yang disediakan oleh Urus Setia.
- iv. Selepas pendaftaran, semua penyertaan hendaklah dikemukakan sepenuhnya melalui Sistem elnovasi di laman web: einovasi.penang.gov.my, termasuk pengisian maklumat dan muat naik dokumen yang diperlukan.
- v. Tarikh akhir penghantaran dokumentasi lengkap melalui sistem ialah pada 31 Julai 2026. Walau bagaimanapun, tarikh ini tertakluk kepada pindaan oleh Urus Setia dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
- vi. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.

3. PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMENTASI

Calon yang ingin menyertai Pertandingan *Innovation Blast* Tahun 2026 perlu menyediakan dokumentasi dan perkara berikut sebagai asas penilaian.

3.1 PENYEDIAAN LAPORAN

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Penerangan ringkas mengenai idea inovasi merangkumi kategori inovasi, penjelasan keberhasilan (*outcome*) dan impak serta potensi pengembangan

3. PERINCIAN IDEA

Penerangan mestilah menepati kriteria penilaian *innovation blast*. Penggunaan gambar, jadual dan graf adalah digalakkan.

2. LATAR BELAKANG

Penerangan tentang pencetus idea inovasi.

4. RUMUSAN

Mengenai alasan-alasan mengapa idea berkenaan wajar dipilih sebagai pemenang.



Rajah 1: Panduan Penyediaan Laporan

3.2 PENYEDIAAN VIDEO PERSEMBAHAN/ DEMONSTRASI

Bagi melengkapkan tatacara penyertaan, peserta dikehendaki menyediakan dan menghantar video penerangan/ pembentangan/ demonstrasi berkaitan projek atau idea inovasi yang dikemukakan, mengikut kriteria berikut:

i. Format dan Durasi:

Video mestilah berdurasi antara **1 hingga 3 minit**, dan disediakan dalam **format .mpg, .wmv, .mp4, .mpeg atau .avi**, dengan kandungan yang menjelaskan ciri-ciri, fungsi serta maklumat berkaitan idea inovasi.

ii. Penamaan Fail:

Video hendaklah dinamakan menggunakan format: *NamaJabatan_NamaProjek.mp4* bagi tujuan pemadanan dan rujukan.

iii. Bahasa dan Sari kata:

Bahasa yang dibenarkan bagi penyampaian video ialah **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**. Sekiranya video disampaikan dalam Bahasa Inggeris, penyediaan sari kata dalam Bahasa Melayu adalah diwajibkan.

iv. Kandungan Video:

Video yang dihantar **tidak boleh mengandungi unsur sensitif**, termasuk penggunaan logo, gambar atau bahasa yang tidak sopan serta perkara yang menyentuh sensitiviti kaum, budaya dan agama.

v. Tanggungjawab dan Hak Cipta:

Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan video yang dihantar. Sebarang pelanggaran hak cipta adalah tanggungjawab peserta, dan Urus Setia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan yang berkaitan.

vi. Gaya Persembahan dan Kualiti:

Peserta bebas menggunakan pendekatan kreatif dalam penghasilan video. Namun begitu, **kualiti visual dan audio mestilah jelas**, dan input disampaikan dengan berkesan. **Huraian atau penerangan secara langsung** daripada peserta adalah digalakkan bagi membantu panel membuat penilaian dan memberi cadangan penambahbaikan.

3.3 PENGHANTARAN PENYERTAAN


Penghantaran dokumentasi dan video hendaklah dibuat kepada Urus Setia sebelum sesi penilaian dijalankan, mengikut tarikh yang akan ditetapkan.

Peserta perlu mengemukakan:

- i. Empat **(4) salinan cetakan (*hard copy*) dokumentasi** projek; dan
- ii. **Salinan video digital (*soft copy*)** yang boleh dikemukakan sama ada melalui pemacu USB (*pendrive*) atau e-mel.

4. KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian adalah seperti di **rajah 2**.




Rajah 2: Kriteria Penilaian *Innovation Blast*

BAB 3 PENGIKTIRAFAN

1. PEMILIHAN PEMENANG

- i. **Semua penyertaan yang diterima akan melalui tapisan awal** oleh Urus Setia bagi memastikan setiap penyertaan mematuhi sepenuhnya syarat-syarat dan kriteria penyertaan yang telah ditetapkan.
- ii. **Pemakluman mengenai status kelayakan penyertaan akan dibuat secara rasmi kepada semua peserta**, selepas proses tapisan awal selesai dijalankan.
- iii. **Penilaian akan dijalankan secara tertutup oleh Panel Penilai yang dilantik secara rasmi oleh Urus Setia**. Setiap penyertaan akan dinilai berdasarkan dokumen sokongan dan persembahan video yang disediakan oleh peserta, mengikut borang pemarkahan/ kriteria yang telah ditetapkan.
- iv. **Keputusan penilaian oleh Panel Penilai adalah muktamad**, dan sebarang rayuan atau semakan semula **tidak akan dilayan**.
- v. **Pengumuman pemenang dan penyampaian hadiah akan dibuat melalui majlis rasmi atau saluran komunikasi yang bersesuaian**.

2. HADIAH PENGHARGAAN




Rajah 3: Hadiah Pemenang

BAB 4 TATACARA PENYERTAAN

Semua penjawat awam daripada Jabatan/ Perbadanan/ Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Anak Syarikat di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berminat untuk menyertai Pertandingan *Innovation Blast* Tahun 2026 perlu mengikuti langkah-langkah berikut:

- i. Melengkapkan **pendaftaran** (melalui pautan: <https://forms.gle/4RzFTHQ6BgsDCp2n9> / kod QR di bawah) yang disediakan bagi mendapatkan ID pengguna. **Tempoh pendaftaran adalah dari 1 April hingga 31 Julai 2026.**



- ii. Setelah ID pengguna diperoleh, peserta perlu **mengisi maklumat kumpulan dan projek serta memuat naik dokumen sokongan** melalui Sistem elnovasi di laman web elinovasi.penang.gov.my. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Julai 2026 (Jumaat), jam 11.59 malam.
- iii. Peserta perlu **mengemukakan empat (4) salinan cetakan (*hard copy*) dokumentasi projek serta salinan video digital (*soft copy*)** yang boleh diserahkan sama ada melalui pemacu USB (*pendrive*) atau e-mel, kepada Urus Setia. **Tarikh penghantaran akan dimaklumkan kemudian**, iaitu sebelum sesi penilaian dijalankan.
- iv. Pengguna Sistem elnovasi (elinovasi.penang.gov.my) boleh melaporkan sebarang masalah, termasuk kesilapan semasa penghantaran penyertaan, melalui e-mel rasmi yang dinyatakan dalam halaman 9 garis panduan ini.

Dokumentasi projek (*hard copy*) **di perenggan (iii)** hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia sama ada melalui serahan tangan atau pos ke alamat berikut:

Urus Setia
Pertandingan *Innovation Blast* Tahun 2026
Unit Komunikasi Korporat dan Inovasi
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 25, KOMTAR, 10503 PULAU PINANG
[u.p. Puan Noor Liyana binti Mazeni / 04-6505546]

BAB 5 MAKLUMAT URUS SETIA

Sebarang pertanyaan atau permasalahan berkaitan penyertaan pertandingan boleh dirujuk kepada Urus Setia di Unit Komunikasi Korporat dan Inovasi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui saluran berikut:

Nama	Emel/ No. Telefon
Puan Noorhafiza binti Mohd Harun	noorhafiza.harun@penang.gov.my 04-6505685
Puan Nor Hayati binti Ishak	norhayati_ishak@penang.gov.my 04-6505685
Cik Segullah Chelvi a/p Paul Desmond	segullah@penang.gov.my 04-6505688

LAMPIRAN I



**BORANG PEMARKAHAN
PERTANDINGAN INNOVATION BLAST
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2026**

TAJUK PROJEK/ HASIL INOVASI				
NAMA KUMPULAN				
AGENSI / JABATAN				
NAMA PANEL PENILAI				
KATEGORI INOVASI	ICT		BUKAN ICT	

KRITERIA UTAMA	SUB KRITERIA	MARKAH	
Konsep Idea (20%)	- Keaslian dan kebaharuan idea - Tahap inovatif (sama ada penambahbaikan atau penciptaan baharu)	20%	
Kerelevanan Idea (25%)	- Relevan dengan keperluan semasa/ organisasi - Praktikal, realistik, dan boleh dilaksanakan - Mudah difahami dan boleh diadaptasi	25%	
Jangkaan Impak (30%)	- Potensi impak terhadap organisasi/masyarakat - Tahap capaian (tempatan, negeri, nasional, global) - Kelestarian (<i>sustainable dan scalable</i>)	30%	
Persembahan (25%)	Dokumentasi Projek - Laporan projek lengkap, tersusun dan mengikut format - Sokongan bukti dan bahan rujukan disertakan	10%	
	Video Persembahan - Kandungan jelas dan padat - Kualiti visual/ audio - Narasi atau penerangan meyakinkan dan mudah difahami	15%	
JUMLAH		100%	

ULASAN PANEL PENILAI :
